

## Rumah Prihatin, hadiah hari tua

Nuraliawati Sabri  
am@hmetro.com.my



PENERIMA Rumah Prihatin Che Tah Zainudin, 72, melihat bilik rumah baharunya di Solok Ulu Seraja, Durian Tunggal. FOTO Nuraliawati Sabri

Alor Gajah: "Sebak, sedih terharu semua ada. Tidak sangka impian memiliki rumah tercapai pada umur sebegini," luah penerima Rumah Prihatin, Che Tah Zainudin.

Warga emas berusia 72 tahun itu berkata, dia membuat permohonan mendapatkan rumah berkenaan lebih tiga tahun lalu dan hanya mendapat perkhabaran gembira pada awal tahun ini.

Che Tah layak menerima rumah itu yang dibina di atas tanah peninggalan arwah ibunya.

Kata Che Tah, rumah lamanya dibina di atas tanah milik orang lain selain semakin uzur malah bumbungnya juga bocor.

"Saya bersyukur, walaupun kecil namun rumah ini amat bermakna buat saya.

"Sekiranya hujan, saya tidak perlu risau dan bergegas untuk menadah air. Walaupun perlu menunggu lama, ternyata penantian ini amat bermakna" katanya.

Che Tah ditemui selepas Majlis Penyerahan Rumah Prihatin Daerah Alor Gajah oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Tunggal Zahari Abd Khalil di Solok Ulu Seraja, Durian Tunggal hari ini.

Seorang lagi penerima, Munaliza Awal, 40, berkata, selepas menduduki Rumah Prihatin, dia tidak lagi risau untuk mencari wang bagi membayar sewa bulanan RM300.

Ibu kepada empat anak itu berkata, selepas kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya pada 2019, tanggungjawab keluarga beralih kepadanya dan pendapatannya sebagai sukarelawan di sekolah agama juga tidak menentu.

"Agak terkesan untuk membayar sewa sewaktu pandemik Covid-19 namun saya bersyukur kerana tuan rumah amat memahami.

"Anak-anak cukup gembira apabila dimaklumkan yang mereka akan menghuni rumah ini," katanya.